



**JABATAN KASTAM DAN EKS AIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEMBEKALAN SEGEL JENIS "HIGH SECURITY CONTAINER SEAL" BAGI KEGUNAAN
JABATAN KASTAM DAN EKS AIS DIRAJA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

RUJ. SEBUTHARGA: JKED/TAWARAN/UPDP/BL/Q/2025-30

BIL	SYARAT-SYARAT
1	Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang mempunyai lesen Perniagaan 16/17 dan mempunyai lesen yang berdaftar dengan <i>ROCBN</i> dan masih sah.
2	Sijil Pendaftaran Perniagaan <i>Business Names Act Section 16 and 17</i> atau <i>List of Members to accompany annual return (List of persons holding shares)</i> atau yang berkaitan dengan pembekalan ini hendaklah disertakan.
3	Dokumen sebut harga boleh diperolehi di Unit Perolehan dan Penghapusan, Bahagian Logistik, Tingkat 2, Bangunan Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja iaitu dari 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.00 petang.
4	Hanya borang penyertaan yang dikeluarkan oleh jabatan yang ditandatangani oleh pegawai JKED sahaja akan diterima.
5	Sebutharga hendaklah dalam matawang Brunei Darussalam Dolar (BND) .
6	Sah laku tawaran dihadapkan hendaklah bagi tempoh selama 06 bulan dari tarikh tutup penyertaan.
7	Pembekalan hendaklah siap dilaksanakan dalam tempoh dua (02) bulan dari tarikh tawaran dibuat.
8	Hendaklah memberikan jaminan (<i>warranty</i>) selama satu (01) tahun dari tarikh pembekalan disahkan penerimaan oleh pihak jabatan.
9	Syarikat-syarikat hendaklah menyertakan profil syarikat.

10	Syarikat yang mempunyai pengalaman membuat pembekalan kepada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebelumnya bolehlah menyertakan dokumen-dokumen yang berkaitan (salinan surat lantikan).
11	Hendaklah menyertakan contoh segel yang akan dibekalkan berserta dengan borang tawaran
12	Sesi tinjauan untuk melihat contoh segel yang dikehendaki oleh jabatan akan diadakan pada: Tarikh: 12 November 2025 Hari: Rabu Masa: 09.00 pagi
13	Sebut harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat bersaiz A4 yang ditutup rapi (<i>sealed</i>) dengan menyatakan bilangan dan tajuk sebut harga serta tarikh tutup sebut harga tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada: PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUT HARGA, IBU PEJABAT JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI, JALAN MENTERI BESAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM Sampul Surat Tawaran hendaklah ditulis seperti berikut: PEMBEKALAN SEGEL JENIS "HIGH SECURITY CONTAINER SEAL" BAGI KEGUNAAN JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM RUJUKAN TAWARAN: JKED/TAWARAN/UPDP/BL/Q/2025-30
14	Tarikh tutup tawaran : 18 November 2025 , Hari : Selasa , Jam : 2.00 petang
15	Borang penyertaan tidak akan dikeluarkan selepas sesi tinjauan dibuat.
16	Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi <i>Officer In-Charge (OIC)</i> melalui nombor telefon +6738772333
17	Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dipertimbangkan.